



"BERUSAHALAH, JAUHI MEMINTA-MINTA".1

| | |
|--|----|
| الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فَإِذَا قُضِيََتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ¹ | 2 |
| أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، فِي النَّسْكِ وَالصَّلَاةِ وَالْعِبَادَةِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ عَلَّمَنَا مَنَهَجَ الرَّشَادِ وَالْقِيَادَةِ، | 3 |
| اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أُولِي الْعِزْمِ وَالسِّيَادَةِ | 4 |
| أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، | 5 |
| فَقَدْ أَمَرْنَا رَبُّنَا بِذَلِكَ فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ حَيْثُ قَالَ: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. | 6 |
| Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Bersempena hari Jumaat yang mulia ini, saya ingin berpesan kepada diri saya dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat. | 9 |
| Pada hari ini, khatib ingin mengajak sidang Jumaat menghayati khutbah yang bertajuk "BERUSAHALAH JAUHI MEMINTA-MINTA." | 10 |
| Sebelum meneruskan khutbah ini, khatib ingin mengingatkan sidang hadirin sekalian akan pesanan Rasulullah SAW supaya dapat menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak bercakap-cakap serta tidak melakukan perkara yang sia-sia. Ini termasuk membuka telefon bimbit ketika khatib sedang menyampaikan khutbah. Hadirin yang dirahmati Allah sekalian, | 11 |



| | |
|---|----|
| <p>Sesungguhnya Islam menggalakkan umatnya bekerja dan berusaha sebaliknya melarang umatnya bersikap malas dan hanya meminta-minta. Larangan ini banyak disebutkan di dalam Al-Quran dan hadis yang menegah kita menjatuhkan maruah diri dengan bersikap malas dan hanya mengharapkan simpati dan ihsan orang lain sahaja.</p> | 12 |
| <p>Nabi S.A.W mengingatkan perkara ini dengan sabdanya dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Hakim bin hizam Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>أَلَيْدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ أَلَيْدِ السُّفْلَى، وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ، وَخَيْرُ الصَّدَقَةِ عَنْ ظَهْرِ غِيٍّ، وَمَنْ يَسْتَعْفِفْ يُعِفَّهُ اللَّهُ، وَمَنْ يَسْتَغْنِ يُغْنِهِ اللَّهُ.</p> | 13 |
| <p><i>“Tangan yang diatas (yang memberi) adalah lebih baik daripada tangan yang dibawah (yang menerima). Dahulukanlah orang yang menjadi tanggunganmu. Dan sebaik-sebaik sedekah adalah yang lebih daripada keperluan tanggungannya. Barangsiapa menjaga kehormatan dirinya (dari meminta-minta) maka Allah akan menjaga kehormatan dirinya dan barangsiapa yang merasa cukup maka Allah akan memberikan kecukupan kepadanya.”</i></p> <p>(Riwayat al-Bukhari).</p> | 14 |
| <p>Bahkan, seseorang yang malas berusaha dan hidupnya hanya meminta-minta ihsan orang lain akan dibangkitkan di hari akhirat dalam keadaan tanpa daging pada wajahnya. Ini ditegaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu Anhuma bahawasanya Nabi SAW bersabda:</p> <p>مَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَسْأَلُ النَّاسَ حَتَّى يَأْتِيَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَيْسَ فِي وَجْهِهِ مُزْعَةٌ مِنْ لَحْمٍ</p> | 15 |
| <p><i>“Seseorang yang sentiasa meminta-minta kepada orang lain akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam keadaan tidak ada sekerat daging pun di wajahnya.”</i></p> <p>(Riwayat al-Bukhari).</p> | 16 |



| | |
|--|----|
| <p>Para tetamu Allah sekalian,</p> <p>Sesungguhnya Islam menganjurkan kita untuk berusaha dan mencari nafkah dengan pelbagai cara selagi tidak melanggar syariat. Kita juga disuruh supaya bersikap ta'afuf (memelihara diri dari minta-minta), sebagaimana yang Allah Ta'ala sebutkan dalam firman-Nya dalam surah Al-Baqarah, ayat 273 yang bermaksud:</p> <p><i>"Pemberian sedekah itu ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam), yang tidak berupaya mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan sebagainya); mereka itu disangka orang kaya oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. Dan (ketahuilah), apa jua yang kamu belanjakan dari harta yang halal maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahuinya."</i></p> | 17 |
| <p>Ayat ini diturunkan untuk menceritakan kepada kita tentang sikap mulia sebahagian daripada para sahabat Nabi yang terdiri daripada orang-orang miskin, tetapi mereka tidak mengharapkan bantuan orang lain walaupun mereka sangat memerlukan. Sehingga orang yang tidak mengenali keadaan sebenar kehidupan sahabat nabi menyangka bahawa mereka adalah orang-orang kaya disebabkan mereka menjaga kehormatan diri mereka daripada meminta-minta kepada orang lain.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> | 18 |
| <p>Sesungguhnya, Allah menjanjikan ganjaran pahala yang besar kepada hamba-hambaNya yang berusaha dan bekerja untuk memberi nafkah kepada keluarganya. Ini dinyatakan di dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda</p> <p>دَيْنَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَدَيْنَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِي رَقَبَةٍ، وَدَيْنَارٌ تَصَدَّقْتَ بِهِ عَلَى مِسْكِينٍ، وَدَيْنَارٌ أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ، أَعْظَمُهَا أَجْرًا الَّذِي أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ</p> | 19 |



| | |
|---|----|
| <p><i>"Dinar (harta) yang kamu belanjakan di jalan Allah dan dinar yang kamu berikan kepada hamba (untuk membebaskan) dan dinar yang kamu sedekahkan kepada orang miskin serta dinar yang kamu nafkahkan kepada keluargamu. Maka yang paling besar ganjaran pahalanya adalah yang kamu nafkahkan kepada keluargamu."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p> | 20 |
| <p>Hadirin sekalian,</p> <p>Setiap individu yang suka meminta-minta sedangkan tubuh badan masih sihat wajiblah berusaha sedaya upaya untuk mencari pekerjaan. Gunakanlah segala kemahiran dan kekuatan yang dimiliki serta peluang yang ada demi memperoleh hasil pendapatan untuk menyara diri dan keluarga anda, Ingatlah! Allah tidak akan mengubah nasib hamba-Nya sehinggalah dia berusaha untuk mengubah nasib diri mereka sendiri.</p> | 21 |
| <p>Sesungguhnya, hasil yang diperolehi melalui apa jua kemahiran yang ada, itu lebih baik dan mulia daripada bersikap malas dan hanya meminta-minta kepada orang lain. Ini berdasarkan hadis daripada Zubair Bin Awam R.A bahawa Nabi S.A.W Bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَآنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ حَبْلَهُ، فَيَأْتِي بِحُرْمَةِ الْحَطَبِ عَلَى ظَهْرِهِ، فَيَبِيعُهَا، فَيَكْفُ اللَّهُ بِهَا وَجْهَهُ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ أَعْطَوْهُ أَوْ مَنَعُوهُ</p> | 22 |
| <p><i>"Sesungguhnya seseorang dari kalangan kamu mengambil talinya lalu membawa seikat kayu bakar di atas belakangnya, kemudian dia menjualnya sehingga dengannya Allah menjaga wajahnya (kehormatannya), itu lebih baik baginya daripada ia meminta-minta kepada orang lain, mereka memberinya atau tidak memberinya."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p> | 23 |
| <p>Manakala bagi mereka yang malas dan sengaja enggan bekerja, masyarakat sewajarnya memberikan nasihat dan bimbingan kepada mereka supaya jangan bersikap malas dan hanya mengharapkan simpati orang ramai semata-mata.</p> | 24 |



| | |
|--|----|
| <p>Saidina Umar Ibnu Al-Khattab Radhiallahu Anhu pernah memberi nasihat dan menegur kepada segolongan rakyatnya yang salah faham terhadap konsep tawakkal dan berserah semata-mata tanpa usaha. Katanya: "Siapakah kamu semua ini?" Mereka menjawab, "Kami orang yang bertawakkal". Saidina Umar menyatakan dengan tegas, "Kamu berbohong !," Orang yang bertawakkal yang sebenar ialah orang yang menanam biji benih kemudian bertawakkal kepada Allah. Janganlah kamu malas mencari rezeki dan hanya berdoa "Ya Allah, berilah aku rezeki" sedangkan dia tahu langit tidak akan menurunkan hujan dinar dan dirham."</p> <p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p> | 25 |
| <p>Mengakhiri khutbah ini, marilah kita menghayati tausiah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Allah SWT lebih mencintai hamba-hamba-Nya yang berusaha gigih bekerja mencari rezeki yang halal untuk nafkah diri dan keluarga.2. Umat Islam dilarang bersikap meminta-minta tanpa sebarang usaha sedangkan masih mampu bekerja.3. Umat Islam hendaklah mendahulukan nafkah untuk keluarganya melalui usaha keras mereka yang akan mendapat ganjaran yang besar daripada Allah SWT. | 26 |
| <p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾</p> | 27 |
| <p>"Dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang Yang beriman akan melihat apa Yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara Yang ghaib dan Yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa Yang kamu telah kerjakan." (al-Taubah : 105).</p> | 28 |
| <p>بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p> | 29 |
| <p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p> | 30 |



KHUTBAH KEDUA

| | |
|----|--|
| 31 | أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. |
| 32 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. |
| 33 | Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar... |
| 34 | menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.... |
| 35 | Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya: |
| 36 | إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. |
| 37 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. |
| 38 | اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ. |



| | |
|--|----|
| <p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p> | 39 |
| <p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اَللَّهُمَّ اَدِّمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَوْ اَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ اَلسُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p> | 40 |
| <p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمَوْظَفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p> | 41 |
| <p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.</p> | 42 |
| <p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat,</p> | 43 |
| <p>lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</p> | 44 |
| <p>Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p> | 45 |



| | |
|--|----|
| <p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالدِّينَا وَعَنْ جَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ</p> | 46 |
| <p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p> | 47 |
| <p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p> | 48 |
| <p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p> | 49 |